

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 29 NOVEMBER 2015 (AHAD)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Pencerobohan siber berleluasa	Metro Ahad
2.	Semua pihak perlu terima keputusan kajian vape	Berita Harian
3.	UMP dianugerah status autonomi	Berita Harian
4.	UMP dianugerah status autonomi	Mingguan Malaysia
5.	Angin kencang timur laut di perairan Labuan dijangka berterusan sehingga Isnin	BERNAMA
6.	JBPM peringkat latihan dan persiapan hadapi musim tengkujuh	BERNAMA

# Pencerobohan siber berleluasa



Oleh Siraj Mohd Zaini  
siraj@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**K**ecanggihan teknologi yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa selain didorong pertambahan orang awam yang menggunakan Internet setiap saat menjadikan ancaman jenayah siber perlu dilihat dalam skop yang lebih luas dan serius.

Mengikut statistik dikeluarkan Cyber Security Malaysia, sepanjang 10 bulan pertama tahun ini, antara perkara yang banyak dilaporkan pengguna di negara ini ialah pencerobohan, penipuan, spam, gangguan siber dan penafian perkhidmatan.

Menurut jurucakap Cyber Security Malaysia, spam merekodkan jumlah tertinggi mulai Januari sehingga Oktober lalu dengan 3,453 aduan berbanding 2,381 kes bagi tempoh yang

## ■ Spam rekod jumlah tertinggi dengan 3,453 aduan

sama tahun lalu.

Katanya, penipuan siber berada di tangga kedua tertinggi dengan 2,729 laporan yang majoritinya melibatkan pengguna pelbagai laman sosial termasuk Facebook (FB), Twitter dan Instagram.

"Bagaimanapun, trend membabitkan jenayah terbit menunjukkan penurunan berbanding tempoh sama tahun lalu dengan merekodkan sebanyak 3,692 aduan.

"Ia membuktikan pelbagai inisiatif kerajaan meningkatkan kesedaran pengguna laman sosial sejak beberapa tahun ini mula membuahkan hasil," katanya.

Namun, kegiatan pencerobohan siber masih berleluasa dan menunjukkan peningkatan ketara iaitu 1,468 aduan dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini berbanding 813 kes pada tahun lalu.

Antara aduan lain yang direkodkan agensi di bawah Kementerian Sains, Tekno-



logi dan Inovasi (MOSTI) itu sepanjang Januari hingga Oktober lalu ialah kod berbahaya (522), gangguan siber (369), percubaan menceroboh (184) serta penafian perkhidmatan sebanyak 33 kes.

Sementara itu, kerajaan mewujudkan beberapa langkah termasuk 'Program Klik Dengan Bijak' oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sejak beberapa tahun kebelakangan ini seiring dengan perkembangan arus teknologi semasa.

Ia tidak lain bagi meningkatkan kesedaran dan membudayakan penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat negara ini dengan lebih positif serta berhemah.

Selain itu, kerjasama erat bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga diperlukan bagi mengawasi kemudahan teknologi itu tidak disalahguna segelintir pihak tidak bertanggungjawab untuk kepentingan diri sendiri dan memberi kesan negatif kepada pihak lain.

# Semua pihak perlu terima keputusan kajian vape

» Kementerian mahu pastikan penggunaan patuhi standard antarabangsa

Oleh Nor Raidah Awang  
bhnews@bh.com.my

► Selama

**S**emua pihak perlu menerima keputusan kajian mengenai vape yang kini dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan dan Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata kajian khusus itu mengenai penggunaan peranti dan perisa cecair untuk vape bagi memastikan penggunaan alat itu di negara ini mematuhi standard antarabangsa dan prosedur serta kriteria yang bakal ditetapkan nanti.

"Ketika ini, Malaysia tidak mempunyai standard yang bo-



Hamzah memandikan kanak-kanak ketika Program Berkhatan Perdana Parlimen Larut, semalam. [NOR RAIDAH AWANG/BH]

leh diguna pakai terhadap penggunaan peranti dan perisa untuk vape.

"Kita berharap keputusan yang dibuat nanti berdasarkan kajian itu boleh diterima oleh semua pihak dan isu ini tidak timbul lagi selepas keputusan diumumkan," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Program Majlis Berkhatan Perdana Parlimen Larut di Hospital Selama di sini, semalam.

Semalam, BH menyiarkan kenyataan mufti dan tokoh agama yang menyarankan kerajaan mengharamkan vape sejajar dengan keputusan jawatankuasa fatwa beberapa negeri yang memutuskan hukum menghisap vape adalah haram kerana memudaratkan diri dan pembaziran.

## Pelbagai pendapat

Hamzah berkata ada pelbagai pendapat mengenai pengu-

naan vape termasuk ada yang menyatakan ia boleh merosakkan kesihatan manakala ada pihak pula mendakwa ia boleh mengurangkan tabiat merokok.

Beliau berkata, pihaknya bagaimanapun lebih menumpukan usaha untuk memperkenalkan standard atau piawai khas bagi penggunaan vape yang dibuat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan SIRIM.

